

Headline	PDRM terus kukuh cengkaman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	173,387
Page No	31	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	299 cm <sup>2</sup>
Journalist	sukan@utusan.com.my	AdValue	RM 5,910
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,729



# PDRM terus kukuh cengkaman

Oleh **NOR AZAN FITRI AHMAD  
HIDZIR**

sukan@utusan.com.my

SHAH ALAM - PDRM masih mampu menumpaskan UiTM 2-0 untuk mengekalkan kedudukan pendahulu Liga Perdana, biarpun beraksi di bawah keupayaan sebenar di Stadium Universiti Teknologi Mara (UiTM), semalam.

PDRM dilihat beraksi di bawah prestasi sebenar apabila setiap gerakan yang dirancang berjaya dipatahkan pertahanan UiTM, selain bergelut dengan cuaca panas pada separuh masa pertama.

Gol yang dicari PDRM hanya muncul pada minit ke-68 apabila Chad Charles Souza berjaya menanduk masuk hantaran pemain import Ashfaq Ali.

Tandukan pemain gantian Muhamadou Sumareh pada minit ke-89 hasil hantaran Mohd. Fadhil Hashim memastikan pasukan pelawat membawa pulang tiga mata berharga.

Pengendali PDRM, Dollah Salleh mengakui, pasukannya beraksi di bawah tahap sebenar akibat keletihan selain terpaksa beraksi dalam keadaan panas menyebabkan mere-

ka gagal untuk melakukan pergerakan menarik.

Katanya, pada separuh masa pertama UiTM berjaya bertahan dengan baik, sekali gus menyukarkan anak-anak buahnya untuk mencari gol.

"Hari ini serba tidak menjadi kerana pemain keletihan selain terpaksa beraksi dalam cuaca panas dan atas sebab itu pemain tidak dapat melaksanakan perkara yang diterapkan sebelum ini tetapi separuh masa kedua kita berjaya jaringkan gol namun ia masih jauh daripada prestasi sebenar pasukan.

"Apa yang penting hari ini (semalam) adalah keputusan iaitu tiga mata penuh tetapi pemain perlu bangkit kerana kalau diikutkan prestasi kami masih jauh daripada yang sebenarnya.

"Pemain import kami tidak memiliki sebarang masalah, Ashfaq tidak berapa menjadi hari ini tetapi Chad dan Muhamadou beraksi dengan baik untuk membantu pasukan," katanya.

Mengulas mengenai pertemuan menentang SPA FC, Jumaat ini, Dollah berkata, pemain perlu mengekal-

kan rentak kemenangan bagi membolehkan mereka terus meraih mata untuk melayakkan diri ke saingan Liga Super musim depan.

"Para pemain tidak boleh leka sebaliknya perlu kekal fokus dalam saingan ini.

"Macam hari ini (semalam) bukan leka tetapi penat dan pemain tiada tenaga untuk beraksi," katanya.

Dalam aksi tersebut, PDRM hampir memecah kebuntuan pada minit ke-30 namun rembatan deras Mohd. Fazilidin Khalid yang mencari sudut kanan gol tidak berhasil dan sekadar melewati palang.

Pasukan tuan rumah memperoleh peluang keemasan untuk mencipta jaringan apabila dihadiahkan sepakan percuma pada minit ke-42, namun percubaan kapten Abdi Kasim Sadallah dari jarak 20 meter itu berjaya ditangkang kemas penjaga gol, Mohd. Helmi Eliza.

Sementara itu dalam perlawanan di **Stadium Majlis Perbandaran Selayang**, Felda United menundukkan Kedah 1-0.

Gol tunggal kemenangan tuan rumah dijaringkan oleh pemain import mereka, Edward Junior pada minit ke-64.



Headline	PDRM terus kukuh cengkaman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	173,387
Page No	31	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	299 cm <sup>2</sup>
Journalist	sukan@utusan.com.my	AdValue	RM 5,910
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,729



**CHAD Charles Souza (kiri) dihalang pemain UiTM, Ahmad Shahir Ismail dalam perlawanan Liga Perdana di Stadium UiTM, Shah Alam, semalam. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ**